

# APEC 2024 pentas Anwar seru dunia bela rakyat Palestin

- Dalam satu sesi intervensi di Pemukiman Pemimpin Ekonomi APEC, Anwar dengan tegas menyatakan isu Palestin tidak boleh diabaikan di sebalik agenda ekonomi mendominasi
- Anwar membuktikan APEC bukan sekadar platform untuk membincangkan isu ekonomi dan perdagangan, tetapi menjadi wadah menyuarakan keprihatinan terhadap isu kemanusiaan global



Oleh Kamarulzaidi Kamis  
karnarulzaidi@nstp.com.my

Dalam kehangatan pemimpin berhujah membincangkan soal ekonomi dan perdagangan di Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) 2024, satu suara lantang memecah dominasi angka dan statistik - suara menyeru keadilan dan kemanusiaan untuk Palestin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mencuri tumpuan di persada APEC dengan menyuarakan keprihatinan mendalam terhadap kekejaman menimpa rakyat Palestin di Gaza.

Kehadiran Anwar di Lima, Peru, bukan sekadar memperkukuh hubungan dagang dan ekonomi Malaysia di rantau Asia Pasifik. Lebih daripada itu, beliau hadir sebagai pemimpin peka terhadap isu kemanusiaan global, membawa suara Malaysia ke pentas dunia bagi menuntut keadilan untuk mereka yang tertindas.

Dalam satu sesi intervensi di Pemukiman Pemimpin Ekonomi APEC, Anwar dengan tegas menyatakan isu Palestin tidak boleh diabaikan di sebalik agenda ekonomi mendominasi.

Beliau mengkritik sikap sesetengah pihak memilih menutup mata terhadap penderitaan rakyat Palestin, tindakan jelas bertentangan dengan semangat kemanusiaan sejagat.

"Ini juga adalah satu daripada beberapa sesi APEC, yang turut menyentuh kekejaman ketara terhadap penduduk Gaza, yang adakalanya kita pilih untuk abaikan, jelas bertentangan dengan semangat kemanusiaan sebenar," tegas Anwar.

Ketegasan Anwar menyuarakan isu Palestin bukan sesuatu yang asing. Sejak memegang tampuk kepimpinan negara, beliau konsisten memperjuangkan hak asasi rakyat Palestin, mengutuk kekejaman rejim Israel dan menyeru masyarakat antarabangsa bertindak lebih proaktif mencari penyelesaian adil dan berkeadilan.

Di APEC, Anwar mengaitkan isu Palestin dengan prinsip perdagangan bebas. Beliau berpendapat perdagangan bebas tidak seharusnya dijadikan alasan untuk menafikan hak asasi rakyat Palestin.

Sebaliknya, perdagangan bebas perlulah menjadi instrumen untuk meningkatkan taraf hidup semua masyarakat, termasuk rakyat Palestin yang sekian lama hidup di bawah penindasan.

Kehadiran Anwar di APEC 2024 memberi dimensi baharu kepada forum berkenaan. Beliau membuktikan APEC bukan sekadar platform untuk membincangkan isu ekonomi dan perdagangan, tetapi menjadi wadah untuk menyuarakan keprihatinan terhadap isu kemanusiaan global.

Tindakan Anwar ini mendapat pujian daripada pelbagai pihak, baik di dalam mahupun di luar

negara. Beliau dilihat sebagai pemimpin berani dan berprinsip, tidak gentar menyuarakan kebenaran walaupun berhadapan dengan tekanan daripada kuasa besar dunia.

Diharapkan, suara Anwar di APEC akan menjadi pemangkin kepada tindakan lebih konkrit daripada masyarakat antarabangsa dalam menyelesaikan konflik Israel-Palestin.

## Bawa agenda ekonomi

Selain isu Palestin, lawatan rasmi Anwar ke Peru turut membawa agenda ekonomi penting. Beliau mengadakan pertemuan dengan pemimpin industri Peru untuk meneroka peluang kerjasama ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua negara.

Hasilnya amat memberangsangkan. Syarikat Peru menunjukkan minat tinggi untuk mengimport pelbagai produk Malaysia, termasuk bahan binaan, peralatan perubatan dan produk makanan. Potensi nilai eksport Malaysia ke Peru dianggarkan mencecah RM1.24 bilion, satu angka signifikan dalam usaha negara untuk meningkatkan perdagangan antarabangsa.

Kerjasama ekonomi Malaysia-Peru tidak terhad kepada eksport sahaja. Syarikat Peru juga berminat untuk melabur di Malaysia dalam pelbagai sektor, antaranya pemprosesan makanan, logistik dan farmaseutikal. Ini menunjukkan keyakinan pelabur asing terhadap ekonomi Malaysia stabil dan berdaya saing.

Dalam usaha memperkukuh hubungan ekonomi dua hala, Anwar turut membincangkan potensi kerjasama dalam sektor logistik, terutama berkaitan pelabuhan. Kerjasama ini dijangka dapat meningkatkan kecekapan dan daya saing kedua-dua negara

dalam perdagangan antarabangsa.

Tema APEC 2024, *Empower, Include, Grow* mencerminkan komitmen negara anggota dalam memperkukuh kerjasama ekonomi dan mencapai pertumbuhan mampan.

Fokus perbincangan dalam APEC 2024 meliputi pelbagai isu penting, antaranya pengukuhan hubungan perdagangan dan pelaburan, inovasi, pengigitalan, dan pertumbuhan mampan.

Malaysia, sebagai anggota aktif APEC, komited untuk menyumbang kepada usaha mencapai matlamat bersama ini. Pertemuan Anwar dengan pemimpin industri Peru membuka ruang untuk perbincangan lebih mendalam mengenai potensi kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara.

Melalui pertemuan ini, beberapa persefahaman dicapai, dijangka akan diterjemahkan kepada perjanjian kerjasama lebih konkrit pada masa akan datang. Secara keseluruhannya, lawatan rasmi Anwar ke Peru berjaya merapatkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Peru.

Kedua-dua negara menunjukkan komitmen meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang, bukan sahaja ekonomi dan perdagangan, tetapi dalam bidang lain seperti pendidikan, kebudayaan dan pelancongan.

Lawatan rasmi Anwar ke Peru sempena APEC 2024 juga mencapai kejayaan membanggakan. Beliau bukan sahaja berjaya membawa suara Malaysia ke pentas dunia dalam isu Palestin, malah merintis jalan memperkukuh hubungan ekonomi dan perdagangan antara Malaysia dan Peru.

Diharapkan, momentum positif ini akan terus berlanjutan, membawa manfaat besar kepada kedua-dua negara dan rakyatnya.



Suara Anwar di APEC akan menjadi pemangkin kepada tindakan lebih konkrit daripada masyarakat antarabangsa dalam menyelesaikan konflik Israel-Palestin.

(Foto REUTERS)